

**TEKS UCAPAN Y.B BHG. TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMED
SEMPENA PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT PENGURUSAN
TEKNOLOGI PADA MAJLIS KONVOKSYEN KE-4
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN, BATU PAHAT.
27 OGOS 2005**

Assalamualaikum w.b. dan salam sejahtera

Menghadap Duli Yang Amat Mulia Tuanku Ibrahim Ismail Ibni Iskandar Tuanku Mahkota Johor, Canselor Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun. Adalah patik dengan segala takzimnya merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Amat Mulia Tunku Canselor untuk mengurniakan kepada patik Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi di Majlis Konvokesyen Ke-4, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn pada pagi yang berbahagia ini. Patik merasa amat bertuah dan berterima kasih di atas penganugerahan yang besar dan bermakna ini. Penganugerahan ini merupakan kurnia dan amanah yang amat berharga bukan sahaja bagi diri patik malah kepada keseluruhan ahli keluarga patik.

Junjung kasih Tuanku Canselor,

Ahli-ahli Berhormat peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, yang Berhormat Datuk, Pegawai Daerah Batu Pahat dan Ketua-ketua Jabatan Daerah Batu Pahat dan isteri, Dekan-Dekan, Ahli-Ahli Senat, Profesor-Profesor, Pegawai-pegawai Kanan Universiti, dif-dif jemputan, ibubapa-ibubapa, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmatnya dapat kita bersama di Majlis Konvokesyen Ke-4, kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn yang bersejarah ini. Terlebih dahulu saya

ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada pihak Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn yang telah sudi menganugerahkan kepada saya Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi. Ini adalah satu anugerah yang amat bermakna bagi diri saya, kerana saya percaya bahawa pegurusan merupakan sesuatu yang amat penting bagi menjayakan sesuatu apapun. Jika kita tidak mempunyai kecekapan dalam pengurusan teknologi dan alat-alat yang ada pada kita tidak ianya tidak mendatangkan apa-apa faedah. Justeru itu, kita harus memberi perhatian kepada aspek pengurusan termasuk pengurusan teknologi.

Sebenarnya kita lihat, teknologi telah berkembang maju sejak daripada industrial revolution lagi, tetapi di sini tidak dapat manfaat daripadanya kerana kita tidak tahu, bagaimana menggunakan teknologi ini, bagaimana menguruskannya supaya kita dapat manfaat daripadanya. Teknologi membuat kereta umpamanya, memang terdapat lama dahulu. Pada mulanya semua kereta ini dibuat satu persatu dan ia mengambil masa yang panjang dan harga juga tinggi. Tetapi apabila datangnya seorang yang bernama Henry Ford, diaanya mencipta cara-cara mass production. Menggunakan teknologi mass production pengeluaran secara besar-besaran supaya dapat dikurangkan harga dan dapat ditentukan kualiti kereta itu adalah sama antara satu dengan yang lain. Kalau kereta itu dibuat satu persatu, mustahil ianya akan sama daripada segi kebolehan ataupun performance dan juga daripada segi bentuk tetapi oleh kerana Henry Ford memikir tentang pengurusan pengeluaran kereta-kereta menggunakan teknologi mass production maka hari ini sebenarnya harga kereta-kereta yang kita guna begitu murah sekali. Sebab itu hampir semua daripada kita dapat memiliki kereta sebabnya ialah dengan menggunakan pengurusan yang bijak maka kita dapat mengeluarkan kereta ini dengan banyaknya dan dengan nilai harga yang murah, tetapi pengurusan tidak tamat dengan ciptaan cara-cara mass production. Sepanjang masa mereka yang terlibat dengan pengeluaran kereta umpamanya memikirkan tentang cara bagaimana mengguna teknologi-teknologi baru untuk mengeluarkan kereta yang lebih baik dan lebih banyak. Kerana permintaan untuk

kereta sekarang ini begitu besar sekali dan cara mass production yang dicipta oleh Henry Ford tidak lagi sesuai. Dan mereka yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan kereta ini telah menciptakan pendekatan yang baru umpamanya mereka mencipta cara Just in Time iaitu bahan-bahan untuk dipasang menjadi kereta dihantarkan kepada kilang hanya sewaktu masa ianya nak digunakan. Tidak ada lagi keperluan untuk menyimpan barang ini bertimbun-timbun di dalam stor yang mana perbuatan ini akan menelan perbelanjaan yang banyak. Apabila sistem Just in Time diciptakan oleh Jepun maka kos mereka dapat diturunkan kerana tidak ada lagi storage cost yang melibatkan bahan-bahan untuk membuat kereta.

Tetapi mereka tidak berhenti disitu sahaja, mereka memikirkan lagi tentang bagaimana menggunakan teknologi untuk mengurus pengeluaran kereta. Dengan itu mereka telah memperkenalkan teknologi untuk mengurus pengeluaran kereta. Dengan itu mereka telah memperkenalkan robot untuk memasang kereta tanpa penyertaan manusia sama sekali. Dan robot ini kita dapati dapat menjalankan tugas yang kadang-kadang begitu kompleks sehingga kita sendiri pun akan dapati sukar untuk memasang buat beberapa lama pintu kereta sukar di pasang dengan robot tetapi kerana mereka memikirkan tentang gerak-gerakan manusia semasa memasang kereta itu dan diterjemahkan kepada gerakan oleh tangan robot. Hari ini mereka boleh memasang pintu-pintu tanpa menggunakan tenaga manusia sama sekali.

Demikianlah apabila kita memikir bagaimana menggunakan teknologi maka kita dapat mempermudah proses pengeluaran barang-barang terpenting. Umpamanya sekarang ini kita memerlukan banyak set televisyen, tak mungkin kalau dibuat semua dengan tangan kita dapat keluarkan semua ini dengan banyaknya tetapi kerana dicipta cara-cara automation penggunaan robot dan sebagainya. Hari ini pada tiap-tiap hari berpuluh ribu tv set boleh dikeluarkan oleh sesebuah kilang.

Inilah pemikiran yang ada kepada pengurus teknologi. Kalau kita tidak memikirkan maka kita akan kekal dengan cara lama dengan membuat semuanya dengan tangan kita sendiri. Kita dapati di zaman dahulu, kita tahu ada pakar-pakar dalam bidang ukiran umpamanya tetapi dianya begitu pakar, hanya dia seorang sahaja tidak ada sesiapa yang lain yang boleh menumpang daripadanya dan kebolehananya juga adalah terhad iaitu mereka boleh mengeluarkan mungkin satu sahaja sehari. Sedangkan pasaran memerlukan berpuluh-puluh, beribu-ribu pada setiap hari. Kalau kita fikir tentang ukiran kayu umpamanya kita boleh cipta machinery yang boleh membuat kerja-kerja yang mudah pada mulanya tetapi pada masa yang terakhir untuk mengeluarkan ukiran yang terbaik maka pada masa itulah akan ada pakar-pakar yang akan menghabiskan kerja-kerja yang diperlukan.

Inilah yang kita lihat, yang amat penting kalau kita tidak tahu, tidak cekap dalam pengurusan teknologi maka teknologi yang kita belajar tidak akan mendatangkan manfaat kepada kita. Selain daripada menerapkan teknologi kita juga perlu memikir tentang cara-cara teknologi itu digunakan. Sekarang ini diperkenalkan pula mikrocip ini dalam satu komputer yang halus sebenarnya. Dan dianya merupakan satu sistem suis sahaja, iaitu untuk 0 dan suis 1. Dengan itu maka, pengurus teknologi telah dapat menciptakan kuasa yang dimasukkan ke dalam mikrocip ini. Sehingga ianya boleh menentukan gerak-geri mesin automated mesin umpamanya. Boleh diprogramkan ke dalam mikrocip ini dan mesin itu akan mengikut program sehingga dianya boleh bergerak dengan begitu pantas sehingga mata kita tidak dapat menurutnya. Tetapi ini adalah oleh kerana kecekapan pengurusan yang menggunakan information data. Di dalam mikrocip ini untuk untuk membuat kerja-kerja tertentu. Yang jelas ialah selain daripada mempelajari tentang pengurusan ilmu itu pengurus teknologi. Bagaimanakah kita akan gunakan ilmu itu supaya dia dapat menolong kita menjayakan perusahaan-perusahaan kita?. Saya percaya bahawa semua universiti akan memberi tumpuan kepada pengurusan.

Kita sebenarnya telah menubuhkan sebuah universiti pengurusan “ Management University” di utara negara kita, tetapi malang bagi kita dianya tidak digunakan untuk mengajar pengurusan sahaja sebaliknya pelajar-pelajar lain dicampur aduk dengan itu tidak ada tumpuan kepada pengurusan, yang mana pengurusan ini amatlah penting untuk menjayakan semua kerja-kerja kita termasuk juga kerja pentadbir negara kita. Kalau kita tidak cekap dalam bidang pengurusan kita tidak mungkin mengguna computer dan kad yang lain yang mana dia boleh mempercepatkan pengurusan yang menggunakan teknologi moden ini. Saya yakin universiti akan memberi tumpuan kepada tiap seorang daripada penuntut-penuntut di universiti.

Saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak universiti kerana menganugerahkan kepada saya Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pegurusan Teknologi pada hari ini.

Junjung kasih Tuanku